



KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI
BILANGAN 4 TAHUN 2023**

**Semua Pegawai Pengawal,
PULAU PINANG**

GARIS PANDUAN HAD AMAUN PANJAR WANG RUNCIT

1. TUJUAN

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai had amaun bagi Panjar Wang Runcit (PWR) bagi setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

2. PERATURAN

2.1 Pekeliling Perbendaharaan WP 10.8 telah menetapkan had amaun PWR berdasarkan peringkat PTJ.

2.2 Had amaun PWR mengikut peringkat PTJ di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah ditetapkan seperti berikut:

	<u>Amaun</u>
a) Peringkat Jabatan	RM3,000.00
b) Peringkat Daerah	RM2,000.00

- 2.3 Selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 97(d), pembayaran PWR tidak boleh melebihi RM500 bagi setiap bil. Walau bagaimanapun, arahan ini tidak menghalang bil yang lebih besar jumlahnya dibayar daripada PWR sekiranya praktikal dan berfaedah. Pemegang Panjar hendaklah mengemukakan permohonan kepada Pegawai Pengawal untuk mendapatkan kelulusan pembayaran bil PWR yang melebihi RM500.
- 2.4 Semua Pemegang PWR hendaklah sentiasa mematuhi segala peraturan dan tatacara mengenai pengendalian wang panjar seperti yang dinyatakan AP 113 dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 2 Tahun 2021. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tindakan surcaj/tatatertib boleh diambil ke atas pegawai yang bertanggungjawab.

3. **TARIKH KUAT KUASA**

- 3.1 Pekeliling ini adalah berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.
- 3.2 Pekeliling ini boleh diakses di laman sesawang Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang (<http://jkn.penang.gov.my>).

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' ZABIDAH BINTI SAFAR)
Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang

Tarikh : 20 Oktober 2023

s.k. Pengarah Audit Negeri
Pulau Pinang